



1 jam 15 minit

Kertas Model UASA 3



50

Bahagian A [10 markah]

Soalan 1 dan 2

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

- 1 Puan Helen: _____ sangat bertuah kerana memiliki anak yang bercita-cita tinggi untuk mencapai kejayaan.
Encik David: Saya berharap agar _____ terus cemerlang dan berjaya mencapai cita-citanya.
- A Kita...dia
B Kita...kalian
C Mereka...kita
D Kami...mereka
- 2 Bersenam pada setiap hari sudah menjadi _____ bagi Puan Li Jing.
- A rutin
B tepu
C hobi
D watak

Soalan 3

Pilih ayat yang betul.

- 3 A Pengawas itu menulis semua nama-nama murid yang bising.
B Perjalanan balik ke kampung sangat mundur-mandir dan tidak rata.
C Seorang jiran-jiran saya datang meminta bantuan kerana kunci rumahnya hilang.
D Kami berasa pening apabila melalui jalan raya yang bersimpang-siur menuju ke puncak gunung itu.

Soalan 4 hingga 6

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Larian merentas desa anjuran Persatuan Ibu Bapa dan Komuniti (PIBK) itu mendapat sambutan yang sangat menggalakkan daripada semua pihak. Pihak pendaftaran telah menerima penyertaan peserta yang bertalu-talu. Larian itu nanti akan melalui kawasan kampung dan di tepi sawah padi yang terbentang luas.

Antara *tujuan* larian merentas desa ini adalah untuk membudayakan gaya hidup sihat dalam kalangan ibu bapa serta mengutip sumbangan untuk disalurkan ke rumah anak-anak yatim. Selain itu, program ini juga diharapkan dapat mengeratkan silaturahim dan meningkatkan keprihatinan antara satu sama lain dalam kalangan masyarakat setempat.

- 4 Di manakah laluan bagi larian merentas desa tersebut?
 - A Di tepi sawah padi
 - B Di hadapan rumah masing-masing
 - C Melalui kawasan kampung dan di tepi sawah padi
 - D Merentas kawasan kediaman dan sekolah berhampiran
- 5 Perkataan yang berikut boleh menggantikan perkataan *tujuan* berdasarkan petikan **kecuali**
 - A minat.
 - B objektif.
 - C agenda.
 - D matlamat.
- 6 Pilih pernyataan yang **benar** tentang petikan.
 - A Pemenang larian akan menerima sumbangan.
 - B Penyertaan peserta yang kurang menggalakkan.
 - C Program larian itu menyokong amalan gaya hidup sihat.
 - D Terdapat kawasan pantai berhampiran dengan kawasan pertandingan.

Soalan 7 hingga 10

Baca maklumat dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Bahan 1

KEK CAWAN PELBAGAI PERISA
Rasa sedap, kualiti tinggi, harga rendah!

Hanya di
Gerei
Usahawan
Muda No. 88



Hubungi Nita,
Mala dan Lili di talian
010-0119876
untuk tempahan.

SEMPENA MINGGU USAHAWAN MUDA
Di Dewan Taman Sri Cempaka
20 hingga 30 Mei 2024

Bahan 2

Minat berniaga boleh dipupuk sejak usia muda lagi. Pada hari ini, cabaran untuk mempromosikan produk tidak lagi sesukar dahulu. Pelbagai platform terutamanya melalui media sosial banyak membantu para peniaga. Produk masing-masing dapat diperkenalkan dengan cepat. Proses jual beli juga tidak perlu berlaku secara bersemuka malah transaksi secara dalam talian semakin menjadi pilihan ramai.

Minggu Usahawan Muda perlu *sering* kita laksanakan dengan melibatkan generasi muda agar mereka dapat menghayati dan memahami sendiri selok-belok berniaga. Pengalaman berniaga amat penting kita timba sejak awal lagi. Berikan galakan kepada anak-anak muda yang berminat agar usaha mereka tidak hanya separuh jalan.

- 7 Di manakah jualan tersebut akan diadakan?
- A Di Dewan Cempaka
 - B Di SJK(C) Taman Cempaka
 - C Di Dewan Taman Sri Cempaka
 - D Di kawasan perumahan Sri Cempaka
- 8 Perkataan sinonim bagi perkataan *sering* dalam **Bahan 2** ialah
- A kerap.
 - B berkala.
 - C jarang-jarang.
 - D kadang-kadang.
- 9 Produk masing-masing dapat diperkenalkan dengan cepat.
- Apakah **kata adjektif** yang terdapat dalam ayat di atas?
- A cepat
 - B dapat
 - C produk
 - D dengan
- 10 Pilih pernyataan yang **benar** tentang **Bahan 1** dan **Bahan 2**.
- A Nita, Mala dan Lili merupakan usahawan muda.
 - B Minggu Usahawan Muda diadakan selama 10 hari.
 - C Transaksi secara dalam talian tidak menjadi pilihan ramai pengguna.
 - D Kek cawan yang dijual oleh mereka mempunyai kualiti dan harga yang tinggi.

Bahagian B

[10 markah]

Soalan 1

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Pada cuti sekolah yang lalu, saya dan keluarga bercuti selama tiga hari di Wilayah Persekutuan Labuan atau dikenali juga sebagai Pulau Labuan. Walaupun Pulau Labuan tidak begitu luas tetapi terdapat banyak lokasi menarik yang boleh kita lawati.

Kami melawat ke Taman Burung, Taman Perdamaian, Taman Perkuburan Perang Labuan, Menara Chimney dan Muzium Hidupan Laut. Banyak ilmu dan pengalaman baharu yang kami peroleh melalui percutian tersebut.

Saya berharap agar pada percutian akan datang kami dapat pergi ke tempat-tempat yang lebih menarik lagi.

- (a) Wilayah Persekutuan Labuan juga dikenali sebagai _____
[1 markah]

- (b) Di manakah dua lokasi yang boleh dilawati jika kamu seorang yang menyukai haiwan?

(i) _____

(ii) _____

[2 markah]

- (c) Gariskan **kata hubung** yang terdapat dalam ayat yang diberikan.

Walaupun Pulau Labuan tidak begitu luas tetapi terdapat banyak lokasi menarik yang boleh kita lawati.

[1 markah]

- (d) Pilih dan tulis (**BETUL**) bagi ayat yang **sama maksud** dengan ayat yang diberikan.

Saya berharap agar pada percutian akan datang kami dapat pergi ke tempat-tempat yang lebih menarik lagi.

Kami berharap agar saya akan dapat pergi ke tempat-tempat yang lebih menarik lagi pada percutian akan datang.	
Pada percutian akan datang, saya berharap agar kami dapat pergi ke tempat-tempat yang lebih menarik lagi.	

[1 markah]

Soalan 2

Baca dan fahami situasi di bawah. Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut. Panjangnya jawapan kamu hendaklah tidak lebih daripada 30 patah perkataan.

Sudah beberapa hari Puan Aisah, iaitu ibu Siti kurang sihat. Siti banyak meluangkan masa untuk membantu ibunya menguruskan diri dan keperluan harian. Malam tadi, dia tidur agak lewat. Akibatnya, dia terlewat bangun pagi ini untuk pergi ke sekolah. Dia benar-benar hendak pergi ke sekolah tetapi dia risau akan dimarahi oleh guru kerana kelewatannya nanti.

Sekiranya kamu dalam situasi Siti, apakah yang akan kamu lakukan?

Bahagian C

[5 markah]

[10 markah]

Grafik di bawah menunjukkan tentang langkah-langkah keselamatan ketika menggunakan eskalator. Tulis pendapat kamu tentang langkah-langkah keselamatan ketika menggunakan eskalator. Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam satu perenggan. Panjangnya jawapan kamu hendaklah tidak lebih daripada 50 patah perkataan.

Langkah-langkah Keselamatan
ketika Menggunakan Eskalator

Jangan leka dan sentiasa berhati-hati

Elakkan terlalu rapat dengan orang lain


Berhati-hati dengan pakaian yang labuh

Berhati-hati jika memakai selipar dan kasut tumit tinggi

[10 markah]

[20 markah]

Teliti bahan grafik di bawah. Kemudian, tulis sebuah karangan dalam bentuk karangan berformat atau karangan tidak berformat. Panjangnya karangan kamu hendaklah antara 50 hingga 80 patah perkataan.



- 1** Tulis sebuah berita berdasarkan bahan grafik di atas.

ATAU

- 2 Tulis sebuah karangan keperihalan berdasarkan bahan grafik di atas.

This image shows a single sheet of white paper with horizontal blue or grey ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are approximately 20 lines visible. The paper appears slightly aged or off-white. There is no handwriting or printed text on the page.